

KARANGAN 13 (O LEVEL)

Terangkan pengalaman dan perasaan kamu ketika melakukan sesuatu yang membuat kamu rasa teruja.

BAHAGIAN PENGENALAN

Perenggan Tumpuan Cerita

Wajah wanita lanjut usia yang duduk bersendirian itu kelihatan resah. Wajahnya terukir seribu kebimbangan. Bibirnya kering kehausan kerana duduk di bangku taman itu sejak pagi. Sese kali dia menoleh ke arah kiri dan kanan, seolah-olah menanti kehadiran seseorang. Dari belakang muncul seorang gadis belasan tahun yang menyapanya. Dia membalas salam gadis itu dengan senyuman tawar. Hatinya masih bimbang. Malam akan menyusul tidak lama lagi. Hanya apabila gadis itu mempelawanya minum air mineral, wajah wanita itu mula berseri. Diterima pelawaan gadis itu dengan besar hati. Namun, matanya masih liar menoleh ke arah kiri dan kanan, menanti seseorang yang tidak kunjung tiba.

Perenggan Latar Cerita

Gadis belasan tahun itu adalah aku. Wanita lanjut usia itu telah datang dari luar kota untuk menziarahi keluarga anak lelakinya. Anak lelakinya telah bernikah dengan seorang wanita kaya tanpa pengetahuan ibunya setahun yang lalu dan kini mempunyai seorang cahaya mata. Wanita lanjut usia itu ghairah untuk melihat menantunya serta cucunya. Oleh kerana dia hadir secara mendadak, anak lelakinya malu untuk memperkenalkan ibunya kepada isterinya yang kaya. Dia langsung meninggalkan ibunya di taman tersebut dengan alasan yang dia harus ke tempat kerja dahulu, dan akan kembali lagi untuk menemaninya pulang. Sebelum pergi dia meninggalkan ibunya sekeping kertas yang dilipat yang kononnya tertulis nombor telefonnya.

BAHAGIAN UTAMA

Perenggan Monolog

Mataku bergelining air mata apabila membaca apa yang ditulis pada kertas tersebut. *Sesiapa yang jumpa perempuan tua ini bawalah dia ke rumah tumpangan orang tua. Terimakasih.* Aku berasa amat sedih. Mujurlah wanita itu tidak pandai membaca dan tidak mengetahui rancangan jahat anaknya. Bukankah berbuat baik pada ibu bapa kewajipan seorang anak? Si Anak seharusnya menjaga kebajikan